

# **SAUDARA-SAUDARA - BERJIHADLAH KEPADA JALAN ALLAH**

Pengorbanan tuan-tuan adalah dikehendaki – pengakuan tuan-tuan lima kali sehari yang menyatakan bahawa hidup dan mati tuan-tuan kerana Allah semata-mata wajib ditunaikan!

Dengan keadaan kita tidak bersatu hari ini orang memandang kita kecil! Segala-galanya orang boleh membuat ke atas kita! Agama kita dijadikan topeng; agama kita dihina; kita kucar-kacir; pentadbiran yang mengenai masalah kita samada di dalam kebajikan atau siasat tidak ada yang menjadi galang ganti kita! Semuanya terjadi kerana tidak ada persatuan kita.

Kalau orang lain boleh bersatu maka mengapa kita atas nama agama kita yang dijunjung tinggi kita tidak boleh bersatu?! Mengapa kita hanya memandang kecil kepada usaha-usaha kita sendiri dan memandang masalah agama kita hanya sebagai masalah yang kedua?! Ingatlah persatuan kita yang jati – tidak bermuka-muka – adalah sangat-sangat dikehendaki sekarang!

Untuk tajaan atas persatuan itu kita semuanya sudah mengetahui iaitu berkehendakkan lebih dahulu kepada pengorbanan tiap-tiap kita – dikehendakkan jihad fisabillah daripada kita!

Kerana menyampaikan tujuan itu maka qalam bagi yang pertama, memberi percuma sebanyak 10,000 keping ayat yang bertulis Muhammad di dalamnya mengandungi surah Muhammad – cantik rupanya. Tiap-tiap naskah diberi bernombor dari 1 hingga 10,000. Tiap-tiap naskah dihargakan 50 sen sahaja – tambah setem 5 sen. Selain daripada itu ada yang lebih cantik sebanyak 3,000 naskah dengan bertepi dan lebih besar dengan harga \$1.00 senaskah ditulis di tepinya dan satu lagi sebanyak 1,000 naskah bertepi mas berharga \$5.00 senaskah – semuanya tambah belanja posnya 5 sen.

## **SEMUA HARGANYA DIDERMAKAN KERANA TUJUAN MENYATU PADUKAN UMAT ISLAM SE-MELAYA**

Kalau tidak ada wang di tangan, mengikut keadaan zaman, persatuan kita tidak boleh kuat! Oleh itu tiap-tiap umat Islam amnya dan pembaca qalam khasnya kita minta memberi pengorbanan – berjihad kerana Allah – ingat! Barangsiapa menolong agama Allah, Allah akan menolong mereka itu! Yakinlah.

Pendapatan wang-wang yang tersebut akan dikawal oleh suatu jawatankuasa yang namanya akan disiarkan dalam Qalam keluaran yang akan datang!

Yang cetak ini akan mulai dijual pada awal bulan Mac hadapan. Surat-surat bagi sementara kepada :

**SETIAUSAHA,  
PUNGUTAN 'ISLAM BERSATU'  
C/O QALAM,  
356, GEYLANG ROAD, S'PORE.**

Usaha pungutan dengan cara jualan ini akan dijalankan hingga setahun lamanya! Jawatankuasa itu nanti memikirkan adakah mustahak menubuhkan pertubuhan baru atau menyokong pertubuhan yang ada sekiranya memadai demikian itu!